

20/03/1998

## Komuniti Internet dan realiti masyarakat

Ismail Hashim

KALAU kita membaca buku-buku tulisan Don Tapscott (yang terbaru Growing UP Digital) dan guru Internet, Howard Rheingold (pendukung utama komuniti Internet, bukunya bertajuk The Virtual Community, boleh didapati dengan percuma di Internet dan disimpan ke dalam disket), banyak manfaat yang dikemukakan ke arah pembentukan komuniti Internet sehingga mewujudkan apa yang dikenali sebagai warga Internet atau Netizen.

Namun, banyak daripada perkara mengenai komuniti Internet menggunakan analogi. Analogi yang digunakan seperti lebuhraya maklumat kerana peranannya yang dapat menghubungkan pengguna Internet dari seluruh dunia tanpa batas geografi, status ataupun bangsa dan keturunan. Analogi inilah yang membawa kepada jiran tetangga elektronik, siberkomuniti dan rakan dalam bilik bual.

Aspek budaya, hubungan sosial dan hubungan manusia secara bersemuka diremehkan daripada bersemuka dengan skrin komputer Internet yang lebih diutamakan. Mungkin faktor yang menyebabkan kelahiran komuniti Internet di Barat dengan begitu cepat ialah kebosanan.

Kebosanan adalah fenomena unik daripada budaya Barat. Jika dahulunya untuk mengelakkan kebosanan bekerja dan hidup di 'hutan batu', alternatifnya ialah bercuti di tempat peranginan, kini segelintir masyarakat Barat terus merintis jalan menjalinkan hubungan di Internet setiap hari selepas kerja (atau sesetengahnya mencuri memasuki ruang siber ketika waktu kerja) dengan memasuki ruang bilik bual, papan buletin, newsgroup, MUDs (Multi User Domain), MOOs dan e-mel.

Di sana di bawah kumpulan tertentu atau jiran elektronik yang dibentuk bersama untuk berkongsi pengalaman, segala masalah boleh diluahkan dan dicari penyelesaian dalam ruang siber untuk terus berhadapan dengan dunia realiti keesokan harinya.

Namun kebosanan tidak ada dalam kamus kehidupan manusia Timur iaitu sebelum mereka dipengaruhi corak pembangunan Barat. Contohnya bagi kaum Badwi, persoalan kebosanan tidak pernah timbul. Mereka boleh menghabiskan masa berjam-jam duduk di padang pasir memerhatikan gerak pasir daripada desiran angin tanpa merasakan bosan.

Kebosanan adalah produk Barat di mana individu dan masyarakat kehilangan kepentingan dan makna, di mana tempoh atau jangka masa tumpuan seseorang individu tidak lebih daripada satu slot ringkas Video MTV iaitu lima minit.

Dalam budaya seperti ini seorang memerlukan sesuatu yang berbeza untuk dilakukan, dilihat, dirasai dan sesetengah kenikmatan baru untuk dihayati setiap saat daripadanya.

Meluncur di Internet menawarkan apa yang diidamkan: kegembiraan meluncur, keseronokan input visual dan audio, kelegaan daripada kebosanan dan menguasai peluncuran tanpa gangguan sesiapa. Sudah tentu meluncur laju mempunyai harganya. Hiperteks mencetuskan hiperindividu: tercabut akar umbinya, tanpa identiti sebenar, sering bertukar laman web, dengan harapan halaman seterusnya dalam Web membawa pengguna Net ke nirwana.

Individu itu sendiri menjadi seperti hiperteks, sebagai kod maklumat. Proses ini semakin pantas. Lebih banyak pergantungan kita kepada komputer, lebih banyakkah kita gunakannya dalam bidang pendidikan, hiburan dan komunikasi, maka lebih mendalamlah kita diserapkan menjadi komuniti Internet dalam ruang siber.

Walau sejauh mana pembabitan kita dalam ruang maya, keprihatinan kita

masih terbatas kepada pengambilan data atau maklumat secara berasingan. Hakikatnya ilmu pengetahuan, apatah lagi kebijaksanaan atau kearifan tidak diberikan perhatian. Ia tidak berada dalam benak kita.

Maklumat atau data berasingan ini akan terus melompat dari satu laman web ke satu laman web, dari satu `hyperlink`, ke satu `hyperlink`, biasanya tanpa perurutan yang wajar, kita seolah-olah tidak berasa asimilasi dengannya.

Lompatan ini membuat tanggapan manusia terhadap sesuatu perkara menjadi terpisah, tiada kesatuan, tiada kaitan, terputus atau berasingan.

Bayangkanlah jika di satu laman web, teks dibaca, dicetak atau disimpan dalam disket, di satu bahagian lain berbual di bilik bual (chat rooms), mungkin selepas itu berbicara menggunakan sidang video, bermain permainan Internet di ruang maya, seterusnya menggunakan Internet phone dan sebagainya.

Semua ini berlaku dengan mengklik pada tetikus, yang bergantung kepada keputusan fikiran yang cepat. Akhirnya diri kita sebagai individu tidak lebih daripada satu data yang berasingan, menjadi bit kod binari, kemanusiaan kita telah dihadamkan oleh ruang siber.

Persoalan kehilangan kemanusiaan dalam ruang siber lebih ketara apabila melihat retorik ruang siber digunakan untuk memberikan tanggapan baru kepada komuniti dan identiti. Ruang siber kononnya akan mengemukakan laluan elektronik apa yang tidak dapat dilakukan jalan berturap: menghubungkan kita daripada diluluhkan (atomised).

Ruang siber, menurut A Magna Carta For The Knowledge Age - yang disediakan kumpulan berhaluan kanan di Amerika yang dipelopori Newt Gingrich, Speaker Dewan Perwakilan Amerika - akan memainkan peranan penting dalam menjalin pewujudan jiran tetangga elektronik (satu lagi alegori) yang disatukan tanpa sebarang batasan geografi tetapi oleh kepentingan bersama.

Komuniti virtual, menurut Rheingold akan berkembang seperti bunga liar masa depan dan setiap individu akan memilih komuniti yang mereka ingin sertai. Jika anda mahukan komuniti, laung kumpulan Usenet dan papan buletin (BB atau Bulletin Boards), pilih daripada menu dan klik saja. Atau anda sendiri tubuhkan komuniti yang anda ingini.

Persidangan virtual, bualan secara online, papan buletin dikatakan sebagai mengatasi keruntuhan moral masyarakat dan membawa individu mengembangkan pelbagai ikatan yang dinafikan dalam kehidupan realiti.

Apakah tanggungjawab ahli `Jiran tetangga elektronik'? Apakah persoalan mencari identiti, kebosanan dan erti kehidupan dapat diselesaikan sekadar menjadi anggota komuniti Internet. Komuniti dibentuk apabila seseorang mempunyai perasaan atau pemilikan tempat, lokasi geografi, perkongsian nilai, berkongsi penderitaan dan masalah bersama, bersatu melalui tradisi dan sejarah bukan hanya dengan menyertai kumpulan komuniti yang mempunyai kepentingan bersama.

Jika berdasarkan kewajaran sedemikian, peguam, arkitek, akauntan dan mana-mana badan professional lain atau badan agama sekali pun akan terus membentuk satu komuniti selepas mempunyai newsgroup seperti alt.akaun, alt.arkitek, alt.peguam dan alt.ulama dan sebagainya.

John Gray dalam rencananya di akhbar The Guardian (10-April 1995) bertajuk `The sad side of cyberspace' berkata; "Kita adalah apa yang kita lihat kerana kedudukan setempat, tempat kita dibesarkan, dialek percakapan dan rakan yang kita kenali, beban yang harus kita tanggung walaupun tidak dipilih tetapi dapat hidup bersama. Komuniti sebenar adalah tempat di mana mereka dilahirkan, berakar umbi di sana, sauggup berhadapan menanggung beban hidup bersama. Fantasi atau impian komuniti virtual ialah kita boleh menikmati manfaat komuniti tanpa seharian untuk menjaga hubungan sesama manusia. Komuniti sebenar boleh bersifat bertanggungjawab kerana ia

tetanam di tempat tertentu dan mencetuskan kesetiaan yang tidak berbelah bagi.

Komuniti sebenar mewujudkan konteks. Ia mencetuskan isu dengan hubungan kepada masa dan ruang, sejarah dan keadaan semasa serta perlu membuat keputusan yang bertanggungjawab. Dapatkah perkara ini berlaku dalam `jiran tetangga elektronik'?

Komuniti ruang siber adalah komuniti pilihan sendiri, yang tidak disamakan dengan komuniti sebenar. Ia bersifat secara kebetulan dan sementara, bergantung kepada kepentingan yang dikongsi dalam jangka masa tertentu. Sebaliknya komuniti sebenar berlandaskan kepada hakikat. Dalam komuniti ruang siber, anda boleh menjauhkan diri daripada rakan siber, hanya dengan klikan tetikus dan pergi ke tempat lain. Seseorang tidak mempunyai sebarang tanggungjawab.

Persoalannya apa yang kita cari di ruang siber, terutamanya apabila kita memasuki komuniti secara online, menjadi warga Internet dan jiran tetangga elektronik. Kita tidak seharusnya terikut-ikut dengan budaya Barat yang menggunakan Internet sekadar pelarian sementara daripada kebosanan kehidupan dalam masyarakat metropolitan yang penuh dengan kepura-puraan, bersifat materialistik dan penuh kebebasan itu.

Malangnya pengaruh yang tidak kita ingin itu tetap menular. Banyak kumpulan newsgroup menjadikan tema utama topik perbincangan berkisar pada sekitar seks atau alt.sex.

Pertumbuhan kafe berinternet di negara kita menjadi medan mudah untuk menatap bahan lucah di skrin komputer, memandangkan kedudukannya sebagai sebuah kafe dan bukan arked video. Maka tiada syarat untuk melarang pelajar sekolah atau yang bawah umur 17 tahun memasukinya.

Bagi mereka yang tidak mempunyai komputer dan perkhidmatan Internet, kafe berinternet memang boleh dimanfaatkan untuk kepentingan mencari maklumat untuk menambah ilmu pengetahuan. Tetapi perkara sebaliknya berlaku.

Dengan hanya membayar sekitar RM5 hingga RM7 sejam dan pengurangan bayaran untuk sejam berikutnya, pelajar dengan mudah dapat log masuk ke laman lucah yang terdapat pada terminal komputer yang tersorok dengan cahaya lampu yang malap sedikit.

Apakah ini yang kita mahukan daripada percambahan kafe berinternet di negara kita? Mungkin kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kepentingan moral diambil kira dalam pembangunan teknologi harus difikirkan dengan mendalam, bukan setakad melepaskan batuk di tangga.

Bukanlah tujuan menafikan kepentingan komuniti Internet, tetapi untuk memberikan kesedaran mengenai peranan kita dalam meluncur di ruang siber dan tidak mengikut membuta tuli segala rentak dan budaya Barat yang negatif.

(END)